

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK  
ABDUL AZIZ  
(PASIR MAS)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 16.03.2015**

**Y.B. TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [ PASIR  
MAS ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah yang diambil  
bagi mengatasi kenaikan pada harga runcit minyak petrol dan diesel jika  
berlaku kenaikan mendadak pada harga minyak mentah dunia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah melaksanakan sistem pengapungan terkawal (*managed float*) bagi harga runcit RON 95 dan Diesel mulai 1 Disember 2014. Melalui

kaedah ini, harga runcit RON95 dan diesel ditentukan berdasarkan purata harga pasaran sebenar produk tersebut bagi bulan sebelumnya.

2. Pelaksanaan sistem pengapungan terkawal ini akan dapat meningkatkan kecekapan perbelanjaan dan pengagihan sumber kewangan negara, disamping memastikan rakyat mendapat manfaat daripada harga yang berpatutan.

**SIDANG DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2015)**

---

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **YB DATUK WIRA HAJI AHMAD BIN  
HAMZAH [JASIN]**  
**TARIKH** : **16 MAC 2015 [ISNIN]**  
**SOALAN** : **27**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah usaha-usaha yang sedang diambil untuk mengukuhkan lagi kemampuan agensi-agensi tertentu seperti Jabatan Meteorologi Malaysia dalam membuat ramalan dan *forecasting* cuaca/iklim yang lebih tepat agar kesilapan/kelemahan yang berlaku pada tahun 2014 dapat dielakkan serta tindakan pro-aktif yang lebih tepat dan berkesan dapat dirangka lebih awal lagi.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Musibah bencana banjir yang melanda negara pada hujung Disember 2014 merupakan yang terburuk pernah kita alami. Lazimnya kejadian banjir di negeri-negeri Pantai Timur Semenanjung, Sarawak dan Sabah berlaku semasa musim monsun timur laut terutamanya antara bulan November hingga Januari setiap tahun. Ini adalah kerana luruan monsun membawa hujan yang banyak ke negeri-negeri tersebut.

Semasa monsun timur laut yang lepas, MOSTI melalui agensi pelaksanaannya, Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) telah memantau perkembangan luruan monsun secara berterusan. Lima episod hujan lebat telah berlaku dan sebanyak 32 amaran peringkat jingga dan 8 amaran hujan lebat monsun peringkat merah telah dikeluarkan. Amaran-amaran tersebut telah disebar kepada semua pihak yang terlibat dalam pengurusan bencana dan juga kepada orang awam melalui media elektronik, media cetak dan media sosial.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Antara usaha-usaha yang sedang dan akan diambil oleh MetMalaysia bagi menambahbaik sistem pemantauan dan ramalan cuaca ialah **menambah rangkaian radar cuaca, menambah stesen pencerapan permukaan, mempertingkatkan model ramalan cuaca berangka (*numerical weather prediction model*), menambahbaik sistem penyampaian maklumat dan memperluaskan kempen kesedaran awam.**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), MetMalaysia merancang untuk memasang lima buah stesen radar meteorologi baharu iaitu di Perak, Terengganu, Pahang, Sabah dan Sarawak. Pembinaan lima buah radar ini adalah sebagai tambahan kepada 12 buah stesen radar sedia ada dan dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2020. Dengan tambahan radar baharu ini, pemantauan hujan lebat dapat dilakukan dengan lebih teliti dan menyeluruh.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Usaha kedua ialah menambah stesen pemantauan meteorologi permukaan di negara kita. Untuk tujuan itu, MetMalaysia juga sedang melaksanakan Projek “**1Daerah, 1AWS**” di bawah RMKe-10 iaitu melibatkan pemasangan 60 buah Stesen Cuaca Automatik (***Automatic Weather Station(AWS)***) dan dijangka siap pada penghujung tahun 2015. Melalui projek “**1Daerah, 1AWS**”, MetMalaysia dapat memantau keadaan cuaca sebenar dengan lebih terperinci.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Usaha ketiga ialah mempertingkatkan model ramalan cuaca berangka (***Numerical Weather Prediction Model***) bagi memanjangkan jangka masa ramalan (***lead time***) untuk mengeluarkan amaran kepada tujuh hari berbanding dengan tiga hari yang diamalkan sekarang. Penambahan ***lead time*** ini akan dapat membantu pihak pengurusan bencana dan orang ramai untuk membuat persediaan sewajarnya. Disamping itu, kekerapan analisis juga dibuat dengan lebih kerap iaitu setiap 6 jam berbanding dengan setiap 12 jam seperti yang diamalkan sekarang. Dengan analisis yang lebih kerap, penggunaan data cerapan terkini akan dapat memberikan output ramalan yang lebih tepat. Usaha ini dapat dilaksanakan apabila pemasangan **High Performance Computer (HPC)** siap pada hujung tahun 2016.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Usaha keempat ialah menambahbaik sistem penyampaian maklumat dan memperluaskan kempen kesedaran awam. Dari segi sistem penyampaian maklumat, jabatan sedang dalam proses membangunkan platform bagi menyampaikan amaran awal kepada semua pihak. MetMalaysia telah membangunkan aplikasi mobil **myCuaca** yang mana orang ramai boleh mendapatkan segala maklumat cuaca dan amaran hujan lebat dengan lebih mudah dan cepat melalui telefon pintar. Jabatan juga sedang dalam usaha menubuhkan **RakanMet** sebagai platform perkongsian maklumat berkaitan cuaca. Kedua-dua medium ini adalah tambahan kepada sistem penyampaian sedia ada iaitu laman web, facebook, twitter dan TV.

Selain itu, jabatan juga menjalankan program kempen kesedaran awam mengenai bencana cuaca ekstrem, gempa bumi dan tsunami. Pada tahun ini, lapan kempen kesedaran awam dan dua latihan amal tsunami dicadangkan di tempat-tempat terpilih seluruh negara. Program ini ditumpukan di kawasan-kawasan yang terdedah dan berisiko kepada bencana bagi mendidik orang awam dalam menghadapi bencana.

Sekian, terima kasih.